

## MPS SERBU RUMAH URUT DI PRIMA GOMBAK

### #KENYATAAN\_MEDIA

SELAYANG, 28 Februari 2020 - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menyerbu dua rumah urut di Prima Gombak yang telah menjalankan operasi tanpa lesen perniagaan. Operasi ini dijalankan semasa anggota sedang membuat rondaan.

Dalam operasi tersebut, anggota penguatkuasa telah mengambil tindakan menyita lima belas unit tilam, tujuh unit bantal, enam botol minyak urut, lima unit sofa, satu unit penghawa dingin, satu unit televisyen dan pelbagai peralatan lain.

Tindakan sitaan dibuat selaras dengan Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Kesihatan (MPS) 2007 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen.

MPS ingin mengingatkan bahawa operasi dan tindakan tegas ini adalah merupakan peringatan dan amaran kepada semua pemilik premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah. MPS akan meneruskan pemantauan dari masa ke semasa.

#selayangkusayang  
#perbandaranlestari

